

MODEL PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN IBN KHALDUN DALAM KONTEKS INTEGRASI DAN PERPADUAN MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA

Rosfazila Binti Abd Rahman

Abdul Razif Bin Zaini

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Penulisan ini menghuraikan Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun dalam Konteks Integrasi Dan Perpaduan Masyarakat Majmuk Malaysia. Penulisan ini adalah berbentuk konseptual, menggambarkan kaedah, deskriptif dan matlamatnya adalah untuk menghuraikan situasi Integrasi Dan Perpaduan Masyarakat Majmuk Malaysia melalui kanta Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun. Penulisan ini menggunakan bahan-bahan sekunder melalui penyelidikan perpustakaan. Dalam penulisan ini, kedua-dua ciri-ciri serta model perpaduan dalam kepelbagaian Ibnu Khaldun diperjelaskan. Ciri-ciri utama perpaduan dalam kepelbagaian adalah kepercayaan kepada Allah, semangat dakwah, keadilan, akauntabiliti, penghormatan bersama, saling mempercayai, keikhlasan mutlak, rajin, kerjasama, kecemerlangan, rawatan persaudaraan, kejujuran dan kebenaran, moral, pengetahuan, tingkah laku yang baik, pengorbanan, kemas, dan kebersihan. Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun pula mempunyai aspek-aspek seperti ukhwhah, nubuwwah daawat al-haq, al-mulk, asabiyah dan ma'unah. Penulisan ini mempunyai beberapa implikasi bagi situasi integrasi dan perpaduan masyarakat majmuk Malaysia seluruhnya yang berurusan dengan dilema etika perhubungan antara masyarakat multi etnik serta budaya. Penulisan ini akan menggalak lagi memperkukuhkan perpaduan dan integrasi yang lebih padu serta menjadikan masyarakat lebih peka dengan tatakelakuan berdasarkan Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun dalam set sosial kemasyarakatan. Hasil penulisan ini boleh digunakan sebagai panduan kepada budaya integrasi dan perpaduan di Malaysia. Penulisan ini boleh mempunyai implikasi praktikal dalam bidang sains sosial, hubungan etnik, kenegaraan, penulisan berbilang kaum, pengurusan dan penulisan organisasi, pendidikan, undang-undang antarabangsa, dan pengurusan sumber manusia. Penulisan ini membuka saluran baru yang menyumbang kepada perpaduan dalam kepelbagaian dari perspektif Ibnu Khaldun dan sudah tentu menggunakan perspektif Islam. Model yang dicadangkan akan menarik minat yang tulen dan manfaat kepada Islam dan juga bukan Islam termasuk individu, kumpulan, keluarga, organisasi, institusi, ahli akademik dan masyarakat umum.

PENGENALAN


Waliudin Abu Zaid Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Khalid ibn al-Khattab atau lebih tersohor dengan jolokan Ibn Khaldun dilahirkan di Tunisia pada tahun 1332M. Seperti mana Ibn Sina, Ibn Khaldun juga berasal daripada keluarga berada yang begitu cenderung dalam bidang akademik dan politik. Status keberadaan ini digunakan sebaik mungkin bagi tujuan menambah ilmu pengetahuannya dalam segala bidang yang diterokai. Bapanya seorang pemerintahan tentera yang alim dalam selok-belok agama. Ibn Khaldun memulakan karier pengajiannya dibawah seliaan ayahnya sendiri dan beberapa orang ulama lain di Tunisia dengan menghafal al-Quran dan al-hadis serta pengajian tafsir, fiqh, bahasa Arab dan sastera. Setelah mampu menguasai sebahagian besar ilmu-ilmu agama dan bahasa berusia 16 tahun, beliau mempelajari serta mendalami ilmu logik dan falsafah. Pada tahun 1347M, Ibn Khaldun mulai menjalin hubungan rapat dengan keluarga pemerintah Morocco, Sultan Ibn Hasan al-Marini. Pada tahun 1351M, beliau menjawat jawatan kerajaan di bahagian surat-menyurat di bawah pemerintah Muhammad Tafrakin (Siti Nur Aisyah 2015).

Ibnu khaldun merupakan seorang tokoh terkemuka dunia yang banyak menyumbang kepada dunia dalam pelbagai bidang khususnya bidang falsafah. Nama sebenar Ibnu khaldun ialah Abdul Al Rahman ibn muhammad ibn khaldun berasal daripada keturunan khalid bin uthman iaitu seorang tertera yaman yang pernah bergabung tentera Andalusia semasa di Andalusia, nama khalid bertukar kepada khaldun. Ibnu khaldun berketurunan Arab dari yaman yang berhijrah ke Andalus. beliau merupakan seseorang yang tekun menuntut ilmu walaupun sibuk menjalankan urusan pentadbiran. beliau telah mempelajari ilmu agama seperti fikah tafsir, hadis, dan ilmu-ilmu naqli seperti logik, falsafah, mtematik dan bahasa arab.

Ibnu khaldun menekankan aspek-aspek dalaman bagi sesuatu peristiwa kerana sejarah berhubung rapat dengan latar belakang masyarakat, tidak seperti ahli sejarah sebelumnya. Ibnu khaldun dianggap oleh sarjana sarjana barat sebagai tokoh dan ahli fikir yang tiada bandingnya dan memberi sumbangan besar kepada manusia di dunia seperti mana yang dinyatakan oleh tonybee.

Karya-karya Ibnu khaldun yang terkenal ialah Al Muqaddimah, at-Ta'riff bin Ibnu Khaldun (sebuah kitab autobiografi, catatan dari kitab sejarahnya) muqaddimah (bercorak sosial, sejarah dan falsafah), lubab al muhassal fi ushul ad diin (sebuah kitab tentang permasalahan dan pendapat-pendapat teologi yang merupakan ringkasan dari kitab muhassal afkaar al-mutaqaddimin wa al-muta'akhiriin karya imam Fakhruddin ar-Razi.

MODEL PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN IBN KHALDUN



Rajah 1 : Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibnu Khaldun (Rosfazila 2016)

Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun mempunyai ciri-ciri seperti *ukhwah*, *nubuwwah daawat al-haq*, *al-muluk*, *asabiyyah* dan *ma'unah* yang membawa kepada kekuatan bangsa-bangsa itu (Rosfazila 2016).

Fungsi agama sebagai penggerak dalam kehidupan umat manusia baik yang berkaitan dengan individu, organisasi, masyarakat dan negara menjadi salah satu agenda perbincangan Ibn Khaldun dalam karyanya, *Muqaddimah*. Perkara ini adalah disebabkan agama mempunyai peranan yang sangat penting dan efektif dalam memangkinkan kesatuan umat untuk mencapai dominasi, sehingga terciptanya negara yang dikehendaki. Namun demikian, negara tidak akan kukuh selagi tidak didokong oleh solidariti (*Asabiyyah*). Jadi dalam proses pemantapan dan penstabilan negara, agama harus dikembangkan sehingga menjadi satu penghayatan yang mantap bagi seluruh masyarakat. Agama mempunyai peranan yang sangat penting dalam memupuk kehidupan individu, masyarakat dan negara atau pemerintahan dengan mewujudkan kebersamaan, ketenteraman, keharmonian pergaulan, saling hormat menghormati, tolong menolong dan sebagainya. Hal ini disebabkan anggota masyarakat diikat oleh satu ikatan cinta, kasih sayang dan persaudaraan (*ukhwah*) seagama (Darraz 1980, 98). Menurut Ibn Khaldun lagi, suatu negara yang luas daerah kekuasaannya pasti didasarkan kepada agama, baik yang disebarkan oleh seorang nabi (*nubuwwah*) atau seruan kebenaran (*da'wat al-haq*) (Ibn Khaldun 1984, 107). Hujah Ibn Khaldun lagi, *al-muluk* (kuasa autoritatif atau autoriti atau kekuasaan negara) hanya dapat diperolehi dengan perantara dominasi. Pendominasian ini hanya dapat dicapai dengan solidariti atau '*Asabiyyah* dan kesatuan arah tuju serta kebulatan tekad. Kesatuan sebegini pula akan hanya dapat diperolehi dengan perantaraan pertolongan (*ma'unah*) dari Allah dalam menegakkan agamanya (Ibn Khaldun 1984, 107).

INTEGRASI DAN PERPADUAN MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik. Rakyatnya terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya. Malahan, kepelbagaian ini adalah kekuatan yang mewarnai corak negara ini. Tidak hairanlah Malaysia menjadi model sebuah masyarakat majmuk kepada masyarakat

lain. Oleh itu, perpaduan dan intergrasi nasional adalah satu keperluan bagi menjamin rakyatnya hidup dalam suasana aman damai.

Perpaduan nasional umumnya merujuk kepada penyatuan berbagai-bagai kelompok yang mempunyai latar belakang sosial dan kebudayaan yang berbeza. Usaha ke arah perpaduan dapat dilihat melalui penyatuan Sabah, Sarawak dengan negeri-negeri Semenanjung. Selain itu, usaha tersebut juga boleh dilihat melalui usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan meletakkan kumpulan etnik yang berlainan latar belakang di satu kawasan perumahan yang sama (Asnarulhadi 2004).

Konsep integrasi pula adalah lebih luas. Ia adalah satu proses abstrak, satu penyatuan yang sehati dan berpanjangan. Integrasi merupakan satu proses yang menyatupadukan pelbagai kelompok dalam masyarakat melalui satu identiti. Ekoran kejadian 13 Mei 1969, pelbagai usaha dan strategi ke arah mewujudkan integrasi nasional telah dilakukan. Ringkasnya, perpaduan dan integrasi nasional adalah matlamat asas bagi negara Malaysia. Konsep perpaduan sangat penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang teguh dan bersatu padu. Secara tidak langsung, perpaduan dapat menjamin keselamatan negara, kestabilan ekonomi, politik dalam jangka masa panjang. Bagi memantapkan lagi perpaduan di kalangan rakyat pelbagai etnik dan kaum, pelbagai strategi telah diwujudkan melalui pendekatan ekonomi, politik dan pendidikan untuk mencapai matlamat-matlamat perpaduan (Asnarulhadi 2004).

Rusuhan etnik 13 Mei 1969 telah menjadi satu titik utama ke arah pemikiran semula dasar-dasar negara dan proses re-engineering masyarakat dilakukan dengan komprehensif meliputi semua bidang iaitu ekonomi, sosial dan politik. Pelbagai usaha telah dilancarkan dalam menangani halangan-halangan. Antaranya ialah usaha politik, ekonomi, sosial dan pendidikan. Langkah ini dijalankan secara serentak dan saling bertindan. Ia bertujuan merapatkan semula jurang antara kaum yang selama ini wujud dalam hubungan sosial mereka (Asnarulhadi 2004).

MODEL PERPADUAN DALAM KEPELBAGAIAN IBN KHALDUN DALAM KONTEKS INTEGRASI DAN PERPADUAN MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA.

Perpaduan dalam kepelbagaian dalam konteks integrasi dan perpaduan masyarakat majmuk Malaysia akan dihurai berdasarkan Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun yang mempunyai lima ciri seperti *ukhwah*, *nubuwwah daawat al-haq*, *al-muluk*, *asabiyah* dan *ma'unah* yang membawa kepada kekuatan bangsa-bangsa (Rosfazila 2016).

1. UKHWAH

Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun melihat anggota masyarakat diikat oleh satu ikatan cinta, kasih sayang dan persaudaraan (*ukhwah*) seagama (Darraz 1980, 98). Elemen *ukhwah* dalam Konteks Integrasi Dan Perpaduan Masyarakat Majmuk Malaysia dapat dilihat melalui penyatuan Sabah, Sarawak dengan negeri-negeri Semenanjung pada aspek perpaduan politik yang dapat dilihat bermula pada tahun 1950-an dan membentuk Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Sistem kerajaan campuran dari segi kepelbagaian kaum ini menggabungkan fahaman politik berbilang kaum dan diperkembangkan lagi melalui sistem politik yang fleksibel. Ini jelas kelihatan apabila munculnya parti Perikatan yang merupakan hasil gabungan dengan parti UMNO,

MCA dan MIC. Keanggotaan parti komponen dalam parti ini juga semakin bertambah setelah kemunculan Barisan Nasional. Sistem ini juga tidak mengeneppikan parti-parti politik di Sabah dan Sarawak yang boleh menyertai kerajaan campuran pada peringkat pusat di Kuala Lumpur.

Elemen *ukhwah* dalam Konteks Integrasi Dan Perpaduan Masyarakat Majmuk Malaysia juga dapat dilihat lebih jelas melalui prinsip Rukunegara ke lima iaitu Kesopanan Dan Kesusilaan di mana jelas menyokong ciri *ukhwah* melalui perkembangan dan pembangunan personaliti individu yang seharusnya dibina sejak kecil lagi. Prinsip ini juga berkait rapat dengan nilai-nilai moral dan akhlak masyarakat. Prinsip ini mesti menjadi panduan seluruh masyarakat supaya perilaku masyarakat sentiasa terpelihara dan berkembang sesuai dengan kemajuan dan pembangunan tamadun negara yang berasaskan keperibadian bangsa dan nilai-nilai murni.

Kehidupan yang bersusila dan bersopan santun amat penting dalam konteks perhubungan etnik, terutama dalam masyarakat pelbagai kaum di negara ini. Dalam konteks ini, setiap warga negara sewajarnya tahu menghormati orang lain dengan mengawal diri daripada membangkitkan persoalan-persoalan sensitif kepada sesuatu kaum berkaitan kewarganegaraannya, asal keturunannya, bahasa, kebudayaan serta kepercayaan dan agama yang dianutinya.

Rukun Negara harus dilihat sebagai 'internal cohesion' atau kuasa dalaman yang dapat mengikat perpaduan dan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat. Objektif dan prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara itu masih relevan untuk membentuk jati diri dan keperibadian rakyat.

2. NUBUWWAH

Menurut Ibn Khaldun lagi, suatu negara yang luas daerah kekuasaannya pasti didasarkan kepada agama, baik yang disebarkan oleh seorang nabi (*nubuwwah*) atau seruan kebenaran (*da'wat al-haq*) (Ibn Khaldun 1984, 107). Elemen *nubuwwah* dalam Konteks Integrasi Dan Perpaduan Masyarakat Majmuk Malaysia dapat dilihat melalui Prinsip yang berkait rapat dengan prinsip Rukunegara keempat iaitu kedaulatan undang-undang. Setiap negara mempunyai undang-undang untuk mengawal dan mewujudkan satu masyarakat yang aman, tenteram, stabil dan makmur. Justeru, kedaulatan undang-undang menjadi elemen penting bagi memastikan undang-undang berjalan dengan lancar. Kedaulatan undang-undang bermaksud setiap rakyat adalah sama tarafnya di sisi undang-undang negara tanpa sebarang driskiminasi kaum, gender mahupun kedudukan (status sosial).

Oleh itu, keadilan merupakan elemen penting dalam menegakkan kedaulatan undang-undang. Kuasa kedaulatan dalam konteks undang-undang adalah merujuk kepada autoriti perundangan yang paling tinggi iaitu Perlembagaan Negara. Badan untuk menegakkan kedaulatan undang-undang pula dijamin pula oleh institusi kehakiman yang bebas dan berwibawa. Ini penting bagi menjamin kebebasan asasi semua warganegara Malaysia.

3. AL-MULUK

Hujah Ibn Khaldun lagi, *al-muluk* (kuasa autoritatif atau autoriti atau kekuasaan negara) hanya dapat diperolehi dengan perantara dominasi. Elemen *al-muluk* dalam Konteks Integrasi Dan Perpaduan Masyarakat Majmuk Malaysia dapat dilihat melalui prinsip Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Kerajaan Demokrasi merupakan satu alternatif untuk mengatasi masalah perpaduan yang wujud. Semua warganegara yang memenuhi syarat dan tidak melanggar undang-undang negara boleh menyuarakan pendapat dan kritikan. pemilihan calon dalam pilihanraya juga adalah bebas dan adil. Calon yang memenangi pilihanraya dengan suara majoriti berhak menjadi wakil rakyat dan boleh menyuarakan aspirasi rakyat melalui Dewan Undangan Negeri atau Dewan Rakyat. Perlembagaan Malaysia pula dikenali sebagai Perlembagaan Persekutuan. Prinsip Keluhuran Perlembagaan turut terkandung di dalam prinsip ketiga Rukunegara Malaysia yang bermaksud ketinggian dan keagungan undang-undang atau perlembagaan itu sendiri. Keluhuran Perlembagaan Malaysia terletak kepada kedudukannya sebagai undang-undang tertinggi yang menjadi sumber dan punca kepada semua undang-undang seperti yang disebut dalam Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan menjadi asas penting untuk menjamin keadilan, kerjasama, kesepakatan dan kepentingan bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Setiap rakyat mempunyai kedudukan atau taraf yang sama di sisi undang-undang. Justeru, perlembagaan memberi jaminan terhadap hak asasi, kebebasan rakyat dan keadilan sosial untuk semua kaum di negara. Badan yang dipertanggungjawabkan memelihara keluhuran dan ketinggian perlembagaan ialah badan kehakiman. Badan ini berkuasa menentukan kesahihan sesuatu undang-undang.

4. 'ASABIYYAH

Pendominasian *al-muluk* (kuasa autoritatif atau autoriti atau kekuasaan negara) hanya dapat dicapai dengan solidariti atau '*Asabiyyah* dan kesatuan arah tuju serta kebulatan tekad. '*Asabiyyah* adalah analisis tentang dinamika hubungan kumpulan-kumpulan dan menunjukkan bagaimana kesetiakawanan, atau perpaduan sosial (*al'-Asabiyyah*) melahirkan satu tamadun baru dan juga kekuasaan siasah. Ia mengecamkan adanya ulangan yang berlaku hampir-hampir sebagai rentak yang sama dengan berulang-ulang dalam proses naik turun dan jatuhnya peradaban manusia dan beliau membuat analisis tentang faktor-faktor yang membawa ke arah yang demikian(Al-Muqaddimah" terjemahan Rosenthal). Ibn Khaldun memandang penting perpaduan sosial dan etika sosial yang mengikat hubungan manusia dalam sesuatu bangsa atau umat itu menjadi kuat. Berhubungan dengan ini Ibn Khaldun menyatakan bahawa Asabiyyah yang ditentang oleh Syara' dan Nabi Muhammad saw itu ialah Asabiyyah yang berlaku dalam hubungan dengan penindasan dan perbuatan zalim, bukannya zat Asabiyyah itu sendiri, sebagaimana juga keadaannya dengan sifat marah. Beliau menyatakan bahawa Asabiyyah datang hanya daripada pertalian darah ataupun sesuatu yang sama seperti itu (el-Muhammady 2009).

Elemen '*Asabiyyah* dalam Konteks Integrasi Dan Perpaduan Masyarakat Majmuk Malaysia dapat dilihat melalui prinsip Rukunegarayang kedua iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Walaupun tidak melibatkan elemen pertalian darah seperti maksud '*Asabiyyah*, Raja dan Negara mempunyai kaitan yang sangat rapat dan menjadi factor pengikat rakyat. Ini adalah kerana negara kita mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan. Perkara 32 Perlembagaan Persekutuan dengan jelas menyebut

bahawa Yang di-Pertuan Agong (YDPA) adalah ketua negara. Perkara 44 pula menyebut bahawa YDPA adalah sebahagian daripada komponen yang membentuk Parlimen di negara ini.

Justeru, prinsip kesetiaan dan ketaatan kepada Raja dan Negara menjadi unsur dan ciri penting dalam soal kewarganegaraan di negara ini. Setiap warganegara Malaysia perlu menumpukan sepenuh taat setia, jujur dan ikhlas kepada Yang Dipertuan Agong dan negara. Di peringkat negeri pula, Rakyat dikehendaki menumpukan taat setia kepada raja yang memerintah negeri tempat mereka bermastautin tanpa mengurangkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong. Penghayatan terhadap prinsip kedua mampu membentuk satu bangsa Malaysia yang patriotik dan bersatu padu kerana Raja adalah “payung negara” yang menaungi seluruh rakyat di negara ini.

5. MA'UNAH

Kesatuan yang dicapai dengan solidariti atau *'Asabiyyah* dan kesatuan arah tuju serta kebulatan tekad pula akan hanya dapat diperolehi dengan perantaraan pertolongan (*ma'unah*) dari Allah dalam menegakkan agamanya (Ibn Khaldun 1984, 107). Ibn Khaldun menyatakan bahawa peranan agama ialah menyatupadukan Bangsa Arab dan membawa kemajuan kepada mereka dan masyarakat mereka. Ia menunjukkan bahawa ketidakadilan, sifat kuasa raja bermaharajalela, dan penindasan adalah tanda-tanda yang menunjukkan kejatuhan dalam sesebuah negara. Beliau menunjukkan bahawa falsafah yang berbentuk metafizikal mendatangkan faedah mempertajamkan akal fikiran seseorang. Beliau menyatakan juga bahawa pengetahuan tentang perkara-perkara metafiskal terutama dalam hubungan dengan keimanan boleh didapati hanya daripada wahyu.

Elemen *Ma'unah* dalam Konteks Integrasi Dan Perpaduan Masyarakat Majmuk Malaysia dapat dilihat melalui Prinsip pertama Rukunegara iaitu kepercayaan kepada tuhan. Prinsip ini menggambarkan bahawa asas kehidupan beragama merupakan prinsip penting kehidupan rakyat di negara kita. Sebarang bentuk ideologi atau ajaran yang menolak kepercayaan kepada Tuhan (atheis) seperti fahaman komunis tidak akan mendapat tempat di negara ini. Ini adalah kerana agama telah menjadi unsur penting dalam membentuk rohani (spiritual) masyarakat kita.

Di dalam Perlembagaan Persekutuan sendiri menetapkan bahawa Islam adalah agama rasmi Persekutuan dan kepercayaan atau agama-agama lain boleh diamalkan dengan bebas. Prinsip Kepercayaan kepada Tuhan seharusnya dapat menerapkan kepercayaan beragama secara positif yang boleh membangun “pemikiran luhur” dalam hubungan pelbagai kaum serta dapat membina jati diri yang padu.

Setiap penganut agama sewajarnya menjadikan agama masing-masing sebagai asas membina keharmonian dan perpaduan, bukannya menggunakan agama sebagai alat mencipta permusuhan. Justeru, semua kepercayaan agama di negara ini harus menolak sebarang bentuk ekstremisme agama, sebaliknya mengamalkan fahaman kesederhanaan yang dapat menyubur sikap persefahaman dan bertolak ansur atau saling bertoleransi.

KESIMPULAN

Ibn Khaldun merupakan seorang sarjana Islam yang terkemuka dan mempunyai pengetahuan yang luas tentang penulisan beliau. Beliau sangat disegani oleh sarjana Islam barat. Buku beliau yang terkenal iaitu *Muqaddimah* dianggap sebagai pengasas ilmu kepada masyarakat atau ketamadunan. Selain itu pandangan dan teori-teori yang dikemukakan oleh beliau telah banyak menyumbang kepada masyarakat sehingga ke hari ini. Ibn Khaldun adalah salah seorang pakar sejarah Arab teragung yang juga dikenali sebagai bapa kepada sejarah kebudayaan dan sains sosial moden. Beliau turut mengembangkan falsafah tidak berasaskan keagamaan paling awal sebagaimana yang dicatat dalam karyanya, *Muqaddimah* (Pengenalan). Selain *Muqaddimah*, Ibn Khaldun juga menulis dalam bidang-bidang lain seperti ilmu hisab, logik dan sejarah. Tokoh ini tersohor dengan beberapa idea membangun. Menurut beliau, gandingan antara agama dan *Asabiyyah* dalam usaha-usaha mewujudkan sebuah negara yang teguh adalah amat diperlukan pada peringkat permulaan untuk mewujudkan sesebuah pemerintahan negara. Malah juga agama tidak akan sempurna tanpa *Asabiyyah*. Meskipun begitu, beliau juga tidak menafikan bahawa kezaliman akan berlaku sekiranya unsur-unsur '*Asabiyyah* lebih mengatasi ke atas unsur-unsur agama. Ini kerana agama adalah satu unsur yang lebih besar peranannya daripada *Asabiyyah* dalam penentuan sesebuah pemerintahan negara. Antara jasa terbesarnya ialah penyusunan ilmu sosiologi atau sains kemasyarakatan. Ia telah diperkenal oleh Ibn Khaldun sendiri pada sekitar tahun 1377. Sosiologi adalah satu disiplin ilmiah yang mengkaji tentang interaksi kemanusiaan meliputi pelbagai tajuk dalam berbagai bidang. Bidang ilmiah ini amat cenderung terhadap konflik, persefahaman, persaingan dan kerjasama, organisasi, perpecahan, penyesuaian, penyusunan, perubahan dan juga lain-lain proses interaksi kemanusiaan. Bidang ini mempunyai kaitan rapat dengan ilmu politik. Malah penyelidik dalam bidang politik akan lebih mampu memahami serta mendalami segala latarbelakang, susunan, pola kehidupan sosial berbagai golongan atau kelompok dalam sesebuah masyarakat.

Tuntasnya, Model Perpaduan dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun dalam konteks Integrasi dan perpaduan Masyarakat majmuk Malaysia dapat dilihat sebagai sangat selari dengan pengamalan konsep Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Integrasi dan perpaduan Masyarakat majmuk Malaysia telah mempunyai elemen-elemen asas Model perpaduan dalam kepelbagaian Ibn Khaldun bilamana kelangsungan Integrasi dan perpaduan Masyarakat majmuk Malaysia telah ditunjangi oleh Perlembagaan, Demokrasi dan Ideologi Negara iaitu Rukunegara. Proses ini telah berkesimbungan dengan aspek sejarah dan persejarahan masyarakat majmuk Malaysia yang panjang. Justeru, bilamana Integrasi dan perpaduan Masyarakat majmuk Malaysia telah mempunyai ciri-ciri Model Perpaduan Dalam Kepelbagaian Ibn Khaldun seperti *ukhwah*, *nubuwwah daawat al-haq*, *al-muluk*, *asabiyyah* dan *ma'unah* yang membawa kepada kekuatan bangsa-bangsa itu (Rosfazila 2016), masyarakat majmuk Malaysia seharusnya ialah sebuah bangsa yang hebat. Cabaran yang mendatang ialah mengelakkan masalah perhubungan dan menguatkan bangsa dan tamadun.

Menurut Ibn Khaldun, terdapat 12 perkara yang perlu dielakkan untuk menguatkan bangsa dan tamadun:

1-Perpecahan yang melemahkan umat samada kerana ideologi siasah atau kerana lain-lain kecenderungan budaya dan kelainan pendapat perlu disantuni dengan mengamalkan budaya beradab dalam berbeza pendapat.

2-Kerosakan pegangan dan nilai-nilai melalui unsur-unsur fahaman yang salah dan menyeleweng dalam agama dan penafsiran yang tidak sebenar serta pengaruh budaya hiburan yang berlebihan (*entertainment culture*) boleh mengatasi budaya ilmu dan intelektual yang akan melemahkan bangsa dan umat dari segi jangka panjang walaupun ada faedah-faedah komersial jangka pendek.

3-Kemerosotan budaya intelektual yang didominasi oleh budaya komersial - tanpa mengecil-ngecilkan bidang komersial yang sedemikian penting dalam Islam - yang jika dibiarkan akan membawa padah kepada umat dalam perkembangan ilmu dan kepakaran yang diperlukan untuk kepentingan pembentukan peribadi yang sepadu dan juga msyarakat madani yang dikehendaki. Gambaran masyarakat Ibn Khaldun dalam al-Muqaddimah adalah masyarakat madani.

4-Kerosakan nilai yang disebabkan oleh pendedahan kepada nilai-nilai yang negatif melalui media dan lainnya yang menghakis nilai-nilai Islam dan nilai-nilai Asia dalam hubungan dengan mereka yang selain daripada Muslimin, akibat negatif dari globalisasi yang disalah terima.

Kerosakan nilai peribadi contoh yang didominasi dalam anggapan popular oleh budaya pemujaan *celebrity* (*celebrity cult*) yang sepatutnya diambil alih oleh budaya mengikut contoh yang baik dan sempurna (*uswatun hasanah*) - terdiri daripada para nabi dan rasul a.s.s. dan mereka yang utama dalam sejarah Islam dan juga sejarah dunia.

5-Pengaruh budaya politik yang mungkin berlaku melebihi kewajarannya dilihat dari segi perkembangan budaya dan hidup intelektual umat yang perlu ditangani dengan segera.

6-Pengaruh yang tidak seimbang yang berlaku kerana tidak tunduk kepada epistemologi Sunni yang seimbang, sebagaimana yang ditunjukkan dalam al-Muqaddimah oleh Ibn Khaldun.

7-Paksaan adalah seteru kepada pendidikan, membawa kepada timbulnya sifat malas, berbohong dan sifat bermuka dua. Beliau juga menunjukkan kepada pentingnya contoh tauladan yang baik untuk ditiru serta juga penguasaan yang baik dalam penggunaan bahasa. Beliau menyanjung ilmu yang sampai menjadi *malakah* dalam seseorang (el-Muhammady 2009).

8-Faktor *Kekuatan Dalam berfikir Dan Menjayakan Budaya Ilmu*. Umat Islam mendapat kedudukan yang mulia dan tinggi dalam dunia ini bila mereka mempunyai kemampuan yang tinggi dalam berfikir dan juga mempunyai kemampuan yang tinggi dalam ilmu pengetahuan - yang ditonton oleh keimanan mereka yang tinggi dan ketaqwaan mereka kepada Allah dalam kegiatan berfikir dan ilmunya.

9-Ilmu perlu menjadi sebagai *malakah* atau kemahiran dan kecekapan yang sedemikian mendalam dalam seseorang dalam sesuatu ilmu sampai menjadi tabiat kedua baginya.

10-*Kesabaran dan ketekunan* merupakan sifat yang menguatkan dan menjayakan umat dan tamadun, dan ini dihuraikan oleh Ibn Khaldun tentang bagaimana pada tahap-tahap awal dalam perkembangan bangsa-bangsa sifat-sifat sabar dan tekun dalam perjuangan itu kuat, dan itu menjadikan bangsa atau daulah itu kuat.

11-Banyaknya kemewahan, kehidupan penuh dengan hiburan dan perhiasan, kehidupan cara homoseks di kota-kota, politik wang, kerana mereka yang memimpin tidak mampu lagi

mendapat kesetiaan dengan sifat-sifat utama yang dibuktikan dan mengajak orang lain kepada perjuangan, maka berlakulah politik wang. Dengan itu moral masyarakat merosot. 12-Pentingnya adat-adat kebiasaan yang baik dan kuat yang perlu diterapkan dalam masyarakat dan kehidupan untuk menjadi bahan penguat masyarakat dan tamadun supaya tidak runtuh (el-Muhammady 2009).

RUJUKAN

- Ahmad Syafii Maarif. (1996). *Ibn Khaldun Dalam Pandangan Penulis Barat Dan Timur*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Asnarulhadi Abu Samah dan Jayum A. Jawan. (2004). *Kenegaraan Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Biyanto. (2004). *Teori Siklus Peradaban Perspektif Ibnu Khaldun*. Surabaya: Lembaga Penulisan Agama Dan Masyarakat.
- Rosfazila Abd Rahman. (2016). *Unity In Diversity: Features Abd Framework From Ibnu Khaldun Perspectives*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan (PASAK), PPT, KUIS.
- \Roxanne, Lalonde (April 1994), "Edited Extract From M.A. Thesis", *Unity In Diversity: Acceptance And Integration In An Era Of Intolerance And Fragmentation, Ottawa, Ontario: Department Of Geography, Carleton University, Retrieved 9 January 2014*
- Siti Nur Aisyah. (2015). Sejarah Kelahiran Dan Sumbangan Ibnu Khaldun Terhadap Islam. <http://azizharjinesei2015oktober.blogspot.my/2015/10/sejarah-kelahiran-dan-sumbangan-ibnu.html>.
- Toto Suharto. (2003). *Epistemologi Sejarah Kritis Ibnu Khaldun*. Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru.
- Muhammad 'Uthman El-Muhammady. (Anon). Ibn Khaldun Dan Pemerksaan Budaya Dan Tamadun Dengan Merujuk Kepada "Muqaddimah" .http://traditionalislam.freesevers.com/IbnKhaldun_PemerksaanBu%20daya.htm
- Awang, R. (2013). *Falsafah Sains Dan Teknologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Saad, I. (1985). Pengenalan Tamadun Islam Dalam Ilmu Perubatan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zain, S. M. (1985). Pengenalan Tamadun Islam Dalam Sains Dan Teknologi. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka
- _____,https://www.academia.edu/Documents/in/Tiga_Konsep_Asas_Perpaduan_Dan_Integrasi_Nasional
- _____, Rukunegara : The national ideology of Malaysia.<http://www.jpnn.gov.my/ms/kenegaraan/sekretariat-rukun-negara>. 20/3/17